

Menghidupkan Amalan Wakaf

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ
وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala.

Meginfaqkan harta sama ada yang wajib seperti zakat atau yang sunat seperti berwakaf adalah amalan yang amat dituntut oleh Allah Subhanahu wa-Taala untuk dilaksanakan oleh hamba-Nya. Amalan ini akan membersihkan jiwa daripada sifat kedekut seterusnya menyuburkan sifat kasih sayang dan sebagai tanda beriman dan bersyukur dengan nikmat yang

dikurniakan Allah. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Al Anfal ayat 3 -4 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾ أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا
لَهُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٤﴾

Yang Bermaksud : *Orang yang mendirikan solat dan yang menafkahkan sebahagian dari rezeki yang kami berikan kepada mereka. Itulah orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan memperoleh beberapa darjat ketinggian di sisi Tuhannya dan keampunan serta rezeki (nikmat) yang mulia.*

Amalan menginfaq dan berwakaf yang terbaik dan sempurna adalah dengan menginfaqkan harta yang paling disayangi dan bernilai untuk diri kita dan orang lain. Ia bukan sahaja akan dihargai dan disanjung oleh penerimanya, malah lebih daripada itu ia akan mendapat kemuliaan dan kebaikan dari sisi Allah. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Ali ‘Imran, ayat 92;

لَن نَّأْلُوا الْبَرِّ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ﴿٩٢﴾ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٣﴾

Yang Bermaksud: *Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. dan apa saja yang kamu nafkahkan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala.

Berwakaf adalah amalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda telah mewakafkan tanah bagi tujuan pembinaan masjid dan kebun kurma di Madinah untuk kebajikan umat Islam, begitu juga dengan Saidnia Abu Bakar Al Siddiq, Saidina Umar, Saidina Uthman, Saidina Ali dan para sahabat, tabiin radhiaallahu anhum ajma'in dan yang lain telah menjadikan amalan berwakaf sebagai amalan dalam kehidupan mereka.

Sejarah juga membuktikan bahawa sumber waqaf telah menyumbang ke arah pembangunan dan kemakmuran ummah dan negara seperti pembangunan Universiti Al-Azhar As-Syarif yang telah diasas dan dibangunkan serta dikembangkan dari harta-harta waqaf yang telah disumbangkan oleh umat Islam sejak zaman pemerintahan Kerajaan Fatimiyyah pada kurun ke-5 Hijrah lagi sehingga kini. Ia telah memberikan manfaat yang besar kepada perkembangan dan tamadun dunia Islam dengan melahirkan jutaan ilmuan Islam dan ulama' di serata dunia.

Begitu juga semasa keagungan kerajaan Othmaniah yang berpusat di Turki, pembangunan negara dan kebajikan rakyatnya adalah daripada hasil harta-harta wakaf malah sebahagian besar daripada pembangunan negara untuk pembinaan sekolah, hospital, masjid dan kemudahan awam seperti jalan raya dan sistem pengairan adalah disumbangkan daripada harta wakaf ketika itu.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala.

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang adalah pemegang tunggal bagi semua wakaf untuk negeri Pahang bagi harta alih dan tidak alih. Bagi mereka yang hendak berwakaf secara tunai, bolehlah berwakaf melalui Dana Wakaf Pahang yang telah disediakan kemudahannya serendah RM 5.00. Wakaf tunai boleh di buat melalui potongan gaji, melalui kaunter di semua cawangan MUIP seluruh daerah dan perbankan elektronik.

Melalui Dana Wakaf yang disumbangkan oleh umat Islam di negeri Pahang, ia digunakan untuk pembangunan dan kebajikan umat Islam seperti pembangunan masjid, surau, rumah anak yatim dan pusat pendidikan. Malah

pembangunan asrama pelajar di Mesir turut disumbangkan melalui dana wakaf .

Mereka yang berwakaf dijanjikan pahala yang berpanjangan dan tidak putus-putus semasa hidup dan selepas kematiannya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

"إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ: صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ

وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ"

Yang bermaksud: *'Apabila mati anak Adam, kesemua amalannya akan berakhir (terputus) kecuali tiga jenis amalan; Sedekah Jariah (waqaf), ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang sentiasa mendoakannya.'*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala.

Marilah kita bersama-sama kembali menghidup dan melaksanakan amalan berwakaf atas nama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang sebagai pemegang tunggal harta wakaf di negeri ini bukan atas nama individu atau badan-badan tertentu. Tujuannya supaya wakaf tersebut kekal dan terpelihara. Firman Allah Taala dalam surah al Munafiqun ayat 10 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ

أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

Yang Bermaksud : *Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadaNya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: " Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku - ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang yang soleh "*.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.